

# Karaoke '3 dalam 1'

Lebih jurus kepada maksiat

>>Oleh NAZARALI SAERIL dan SHAMRAN SARAHAN

metahad@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Dua bilik yang setiap satu berukuran 3 x 5 meter, cuma dilengkapi sofa panjang dan lampu suram. Namun dua bilik itu menjadi tarikan utama sebuah pusat karaoke di sini kerana ia disediakan khusus untuk pelanggannya melakukan hubungan seks dengan GRO.

Biarpun keadaan bilik itu ringkas, termasuk tidak dipasang kunci, kewujudannya cukup untuk kaki maksiat melampiaskan nafsu serakah mereka untuk tempoh beberapa minit saja.

"Nak guna bilik itu pun cukup mudah, tak perlu tempah dan tak perlu bayar. Cukup dengan melihat pintunya. Kalau pintunya terbuka,

wan Metro Ahad mengunjungi pusat karaoke itu, Zek memberitahu, kewujudan 'bilik gelap' untuk pelanggan dan GRO atau pelayan pelanggan memuaskan nafsu kini menjadi kebiasaan di kalangan banyak pusat karaoke di ibu kota.

Menurutnya, pendekatan terbaru itu nyata membawa pulangan lumayan kepada pengusaha pusat karaoke terbabit kerana pelanggan gemar ke premis mereka berikutan dapat khidmat '3 dalam 1' iaitu menyanyi, layanan GRO dan khidmat seks.

"Hakikatnya, kebanyakan lelaki sekarang ke pusat karaoke bukan nak menyanyi sangat, tapi nak ringan-ringangan dengan GRO. Itu baru 2 dalam 1. Sekarang apabila ada bilik khas untuk buat 'projek', pelanggan lelaki



BERJAYA... GRO dan pelanggan setuju dengan harga dan sedia untuk 'projek' seterusnya.

itu tandanya ia kosong dan boleh digunakan. Kalau pintu tutup, tandanya ada orang guna.

“Sebab itu ia tidak boleh digunakan lama-lama. Maksimum 10 hingga 15 minit saja. Kalau lebih dari itu, pelanggan lain marah kerana mereka pun nak guna,” kata pelanggan setia pusat karaoke berkenaan yang hanya mahu dikenali sebagai Zek.

Ketika membawa warta-

bih suka kerana mereka bukan setakat boleh menyanyi dan ringan-ringan, tapi lebih daripada itu,” katanya.

Pemantauan Metro Ahad di dalam karaoke ‘3 dalam 1’ itu mendapati GRO diberi nombor tertentu sebagai pengenalan diri dan pelanggan boleh memilih seberapa ramai gadis yang disukai mengikut kehendak mereka dengan bayaran sekadar RM30 hingga RM50 seorang.

Sebahagian besar pengunjung pusat karaoke adalah lelaki berumur 20-an hingga 30-an dan boleh tawar-menawar dengan GRO atau pelayan pelanggan bagi mendapat layanan ekstra atau khidmat seks daripada mereka.

Kata Zek, selepas selesai tawar-menawar, bila-bila masa saja mereka boleh berasmara di ‘bilik gelap’ yang disediakan.

“Jika memilih GRO warga asing, seperti dari China, harga diminta lebih mahal. Biasanya, pelanggan tetap boleh mendapat tawaran harga lebih murah bagi melampiaskan nafsu,” katanya.

Tinjauan juga mendapati, walaupun ‘bilik gelap’ itu dalam keadaan daif dan sekadar menyediakan sebuah sofa panjang dan meja bulat kecil, ia sentiasa penuh dan boleh dikatakan hampir setiap ma-

pasangan keluar masuk. Difahamkan, satu syarat yang perlu dipatuhi GRO serta pelanggan ialah jangan sekali-kali melakukan hubungan seks di dalam tandas dan jika GRO terbabit didapati melakukannya, mereka dibuaya kerja serta-merta manakala pelanggan dihalaui keluar.

Satu lagi kelainan pusat karaoke itu ialah setiap GRO boleh ditempah lebih daripada seorang pelanggan serentak.

“Apabila seseorang GRO itu ditempah dua hingga tiga pelanggan dalam satu masa, dia perlu membahagikan masa melayan pelanggan masing-masing yang berada dalam bilik karaoke berasingan.

“Bagi memudahkan GRO itu menjalankan tugasnya, disediakan skrin di setiap sudut premis terbabit yang akan memaparkan nombor pengenalannya serta nombor bilik pelanggan yang perlu dikunjungi,” kata Zek.

Berkaitan nombor terbabit, seorang pengunjung tetap dikenali sebagai Edi memaklumkan, pelanggan perlu mengingat nombor pengenalan GRO yang dilanggan supaya mudah dipanggil semula ketika melayan pelanggan lain.

Kata Edi, biasanya seorang GRO memperuntukkan antara 15 hingga 20 minit bagi setiap pelanggan, tetapi ada

kalanya berlarutan terlalu lama.

“Jika pelanggan menunggu terlalu lama, mereka boleh memaklumkan kepada ‘mummy’ untuk memanggil semula GRO terbabit dengan hanya memberi nombor pengenalan itu.

“Jika ada yang membuat tawaran pakej ekstra (khidmat seks), ia juga perlu dimaklumkan supaya ‘mummy’ boleh mengatur masa layanan untuk pelanggan terbabit,” katanya.

Lebih teruk, kata Edi, ada pelanggan sanggup melampiaskan nafsu serakah mereka di dalam bilik tempahan sambil dilihat rakan lain.

Tidak mengejutkan juga, katanya, ada pelanggan melakukan hubungan sumbang itu beramai-ramai bersama rakan, bergantung dengan kerelaan GRO yang ditempah.

“Pusat karaoke ini bukan sekadar tempat menyanyi, tetapi sarang melakukan pesta seks. Bagi yang malu melakukan hubungan seks di depan rakan, mereka boleh melakukannya di bilik ghairah.

“Sudah menjadi amalan biasa di sini pelanggan bertukar-tukar pasangan. Yang penting, mereka mampu membayar harga diminta GRO terbabit,” katanya.



KONDOM... antara kondom terpakai ditemui di bilik gelap.

MURAH... antara GRO di karaoke sedia diratah di bilik karaoke atau bilik gelap.

> Lagi berita di muka 12

Rahsia bilik gelap

# Layanan ekstra GF



- Mampu layan lapan lelaki dalam tempoh lapan jam
- Pendapatan mencecah RM12,000 sebulan

# RO

# > Pusat karaoke tukar haluan

**KUALA LUMPUR:** ““Saya perlu berkejar dari satu bilik ke bilik lain, bergantung kepada permintaan pelanggan. Memang memenatkan, tapi saya puas kerana pendapatannya lumayan,” kata seorang pelayan pelanggan atau GRO yang hanya mahu dikenali sebagai Jasmin.

Ibu tunggal berusia 20-an itu berkata, semata-mata kerana duit, dia sanggup melakukan apa saja, termasuk melayan sehingga lapan lelaki dalam tempoh lapan jam, membolehkannya memperoleh pendapatan mencecah RM12,000 sebulan.

Menurut Jasmin, kewujudan ‘bilik gelap’ di pusat karaoke tempat dia bekerja menjadi tarikan utama pelanggan yang sebahagian besarnya lelaki yang ingin mendapatkan layanan ekstra atau khidmat seks.

“Selalunya, dalam bilik karaoke kami ringan-ringan saja. Untuk adegan lebih berat, saya membawa pelanggan ke bilik khas. Walaupun bilik itu tidak lengkap kerana tiada katil dan tandas, ia cukup untuk saya melakukan apa saja yang diminta pelanggan,” katanya.

Jasmin yang berkerja di pusat karaoke itu sejak empat tahun lalu berkata, kebanyakan pelanggan yang dilayannya setiap malam adalah lelaki berkahwin, tetapi dia tidak kisah dengan status mereka kerana yang penting adalah bayaran.

**KUALA LUMPUR:** Pada awal 1990-an, pusat karaoke di negara ini mula berkembang dengan pasaran awalnya untuk keluarga bersantai, tetapi kini lebih banyak menukar haluan kepada penyediaan khidmat GRO selain seks demi meraih keuntungan dengan cara mudah.

Punca utama pertukaran operasi ialah keuntungan dan selebihnya untuk bersaing dengan pusat karaoke lain yang menyediakan khidmat songsang bagi mengelak premis mereka ‘tutup kedai’.

Bagi pusat karaoke Red Box, teras perniagaannya menumpukan kepada empat tahap pengunjung daripada kanak-kanak hingga dewasa.

Eksekutif Pemasaran dan Pengiklanan Red Box, Raja Marliza Safia, berkata tiada gejala negatif dijalankan di Red Box, termasuk penyediaan khidmat GRO untuk melayan lelaki hidung be-



**DANKERINA... K-Box pusat karaoke untuk keluarga.**

nya, Badrul Hisham Abdul Wahab atau nama komersialnya Dankerina, turut mengakui kebelakangan ini wujud banyak pusat karaoke yang dipenuhi unsur negatif.

“Pusat karaoke yang menyediakan khidmat GRO dan



**Dalam bilik karaoke kami ringan-ringan saja. Untuk adegan berat, saya membawa pelanggan ke bilik khas. Walaupun tiada katil, ia cukup untuk melakukan apa saja yang diminta pelanggan”**

**> Jasmin  
GRO**

“Saya ada seorang anak berusia lapan tahun yang perlu disara. Saya tahu apa yang saya buat adalah salah dan tidak bermoral, tapi saya perlukan wang untuk hidup. Orang lain boleh cakap apa saja, tetapi mereka tidak tahu kesusahan saya,” katanya.

Mengenai bayaran yang dikenakan kepada pelanggan, Jasmin berkata, untuk melakukan seks oral dia kenakan bayaran antara RM20 hingga RM30 manakala hubungan seks pula antara RM30 hingga RM100 bergantung kepada ‘tawar menawar’ dengan pelanggan.

Menurut Jasmin, dia ada beberapa pelanggan tetap dan dalam masa sama, dia juga sentiasa menukar nama setiap malam di setiap bilik dikunjungi. Ini kerana, dia tidak mahu pelanggan kenal namanya yang boleh membuatkan mereka bosan dan memilih GRO lain.

Apabila ditanya sampai bila dia akan melakukan pekerjaan keji itu, Jasmin berkata:

“Satu hari nanti saya akan berhenti melakukan kerja ini, tetapi bukan sekarang. Pada masa ini saya masih perlukan banyak wang untuk hidup mewah.”

lang.

“Red Box beroperasi dari jam 11 pagi hingga 3 pagi setiap hari. Ia dibahagikan kepada empat sesi dengan sesi pertama dari jam 11 pagi hingga 3 petang. Ketika itu, pelanggan biasanya pekerja pejabat.

“Dari jam 3 petang hingga 6 petang pula, kanak-kanak sekolah yang datang. Bagaimanapun, jika mereka berpakaian seragam sekolah, mereka tidak dibenarkan masuk.

“Dari jam 6 petang hingga 10 malam pula, biasanya yang datang ialah keluarga dan seterusnya jam 10 malam hingga 3 pagi pula kurang pelanggan yang hadir,” katanya.

Mengenai kewujudan pusat karaoke yang lebih menjurus kepada aktiviti kurang sihat, Raja berkata, jumlahnya memang banyak kebelakangan ini, tapi ia tidak menjejaskan dan mempengaruhi matlamat perniagaan Red Box.

“Kami tetap dapat terus beroperasi walaupun tidak menyediakan khidmat negatif kerana pelanggan yakin, selain kami tidak mahu terlibat dalam gejala itu,” katanya.

Bagi pusat karaoke KIOSK Box Technology atau K-Box, Ketua Bahagian Pemasaran-

lebih teruk lagi khidmat seks, memang banyak dan seolah-olah tidak dapat dibendung kewujudannya pada masa ini. Ia mungkin kerana kurang pengawasan pihak berkuasa atau kelicikan mereka menyembunyikan operasi.

“Dalam masa sama, pengunjug wajar dipersalahkan. Memang hak masing-masing untuk berhibur di pusat karaoke, tetapi mereka sebenarnya perlu tahu mana yang baik dan sebaliknya,” katanya.

Menurut Dankerina, K-Box tidak pernah dan tidak akan sekali-kali menawarkan khidmat songsang seperti itu kerana yakin dengan pasaran besar keluarga yang mahu bersantai di sana.

Kerana itu, katanya, K-Box turut tidak menyediakan minuman keras di cawangannya kecuali di beberapa lokasi kerana pengunjug sebahagian besarnya bukan Islam.

“Bilik untuk berkaraoke di K-Box lutsinar dan pihak lain boleh tahu jika ada berlaku gejala negatif. Diharap pihak berkaitan melakukan sesuatu bagi memastikan pusat karaoke yang sepatutnya digunakan untuk kebaikan, disalahguna oleh pihak berkepentingan,” katanya.